



MEMO

Tarikh : Isnin, 14 Disember 2020

Kepada : YBhg. Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman,
Ketua Pengarah, *Malaysia Productivity Corporation* (MPC)

Daripada : Encik Khidzir Bin Ahmad, Pengurus, PCD/MPC

Perkara : **Memohon Kelulusan Permohonan Pembayaran (RO) kepada Encik Kabir Ahmad Mohd Jamil untuk perkhidmatan tenaga pakar dalam penyediaan input dan kehadiran ke mesyuarat atas talian anjuran *Economic Research Institute for ASEAN (ERIA)*.**

YBhg. Dato',

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas,

1. Memo ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan YBhg. Dato' KP untuk penghantaran RO yang dibuat selepas tarikh akhir disebabkan perkara yang tidak dapat dielakkan. RO ini adalah bertujuan untuk permohonan pembayaran kepada Encik Kabir Ahmad Mohd Jamil bagi menyampaikan perkhidmatan sebagai tenaga pakar dan mewakili MPC di dalam Mesyuarat atas talian anjuran ERIA yang telah dilaksanakan pada 10 Disember 2020.
2. Untuk makluman YBhg. Dato', pada 7 Disember 2020 (Isnin), sekretariat #MyMudah telah dimaklumkan pihak berkenaan untuk menguruskan pembayaran bagi perkhidmatan yang akan diberikan. Memandangkan acara menghadiri mesyuarat atas talian anjuran ERIA ini merupakan satu aktiviti *one-off*, kaedah pembayaran yang ingin dibuat kepada tenaga pakar adalah dengan menggunakan borang pembayaran ISO yang akan disediakan selepas program. Walaubagaimanapun, setelah membuat persediaan dan pemeriksaan dengan pihak kewangan didapati proses pembayaran perlu dilakukan dengan menggunakan borang permohonan pembayaran (RO)
3. Sehubungan dengan itu, pertimbangan kelulusan permohonan RO daripada YBhg. Dato' KP adalah dipohon untuk tujuan pembayaran perkhidmatan tenaga

pakar kepada Encik Kabir. Pertimbangan dan kelulusan dari pihak YBhg Dato' amatlah diharap agar proses pembayaran dapat diteruskan.

Sekian, terima kasih.

Disediakan Oleh:



.....
(KHIDZIR AHMAD)

Pengurus
Bahagian PCD
MPC

Disokong Oleh:



.....
**(WAN FAZLIN NADIA
WAN OSMAN)**

Pengarah
Bahagian PCD
MPC

Diluluskan Oleh:



.....
**(DATO' ABDUL LATIF BIN
HAJI ABU SEMAN)**

Ketua Pengarah
MPC